



## **JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA**

### **KENYATAAN MEDIA**

---

#### **UNIT K9 PERHILITAN BENTENG KHAZANAH DI PUSAT LOGISTIK KLIA: MENGESAN DAN MEMBANTERAS PENYELUDUPAN HIDUPAN LIAR**

---

1. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia menerusi Unit Anjing Pengesan Hidupan Liar (K9) bersama Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) Kargo KLIA telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan melalui pemantuan terhadap kargo di pusat kargo KLIA.
2. Operasi yang dilaksanakan hampir sebulan, bermula pertengahan Julai hingga pertengahan Ogos 2026 ini telah mencipta fenomena *omnipresence* (kehadiran menyeluruh) di hampir semua pusat logistik utama. Mana-mana sindiket yang cuba menjadikan kargo udara sebagai laluan 'selamat' menyeludup khazanah alam kini berdepan tindakan tegas agensi penguatkuasaan.

3. Operasi Pematuhan Kargo yang berlangsung memperlihatkan keupayaan luar biasa skuad Anjing Pengesan Hidupan Liar (K9) Jabatan PERHILITAN dalam mengesan bau tersembunyi. Hidung anjing-anjing ini menyelinap ke setiap celah palet kayu dan kotak kargo. Mereka memburu bau bukti penyeludupan hidupan liar seperti gading gajah, sisik tenggiling, tulang harimau, mahupun hidupan liar hidup yang disumbat ke dalam bagasi dan kotak kargo oleh sindiket penyeledupan.
4. Kehadiran fizikal Unit K9 Jabatan PERHILITAN di laluan utama kargo ini bukan sahaja berperanan sebagai alat pengesan (*detection*), malah bertindak sebagai elemen pencegahan (*deterrence*) yang sangat berkesan terhadap dalang penyeludupan antarabangsa.
5. PERHILITAN bersama AKPS akan terus memperketat kawalan di titik-titik panas pintu masuk negara secara berterusan bagi memastikan biodiversiti negara sentiasa terpelihara.
6. Orang ramai juga diharapkan untuk bersama-sama menyalurkan maklumat berkaitan jenayah hidupan liar. Sebarang aduan boleh disalurkan melalui talian hotline 1-800-88-5151 atau melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) di laman sesawang rasmi [www.wildlife.gov.my](http://www.wildlife.gov.my)

**JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA  
(PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA**

**18 OGOS 2026**

## LAMPIRAN

